



SOALAN DAN PERTANYAAN UMUM PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBM)

BAGAIMANA LAHIRNYA IDEA UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBM)?

JAWAPAN:

1. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia telah bersetuju supaya dilaksanakan Makmal Transformasi Pembangunan Belia sebagai satu usaha untuk mengenali serta memahami keperluan sebenar generasi Y di negara ini. Makmal tersebut telah dilaksanakan pada 1 November 2010 hingga 10 Disember 2010 dan menghasilkan enam inisiatif transformasi yang dilihat wajar untuk dilaksanakan khususnya untuk menjadikan generasi Y sebagai fokus utama pembangunan belia negara. Parlimen Belia Malaysia (PBM) merupakan salah satu daripada enam inisiatif transformasi tersebut.
2. PBM berperanan sebagai satu platform untuk belia menyuarakan idea dan pandangan. Pewujudan PBM ini hampir menyamai Parlimen Belia di kebanyakan negara-negara maju seperti Australia, United Kingdom, New Zealand dan Negara-negara Eropah.
3. Berdasarkan jumlah persatuan belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia Malaysia, hanya 20 peratus daripada belia Malaysia terlibat dalam persatuan belia. Oleh itu, PBM juga diwujudkan bagi memberi peluang kepada 80 peratus belia yang bukan ahli persatuan belia untuk memberi pandangan terhadap pembangunan belia negara mewakili belia-belia di peringkat akar umbi.

APAKAH OBJEKTIF PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBM)?

JAWAPAN:

Secara amnya, pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia (PBM) adalah bertujuan untuk melatih dan melahirkan barisan pelapis kepimpinan muda yang berkaliber dan berwibawa sejajar dengan keperluan negara masa kini dan masa hadapan. Secara spesifik, objektif PBM adalah:

- i. untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan dikalangan generasi Y demi penerusan kepimpinan negara jangka panjang
- ii. sebagai platform kepada belia untuk terlibat secara praktikal dalam proses membuat undang-undang serta memahami sistem pentadbiran negara
- iii. mengenalpasti trend belia untuk disesuaikan dengan pembentukan polisi pentadbiran negara.

SIAPAKAH YANG BOLEH MENGAMBIL BAHAGIAN ATAU TERLIBAT DI DALAM PROGRAM PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBM)?

JAWAPAN:

Semua belia warganegara Malaysia yang berumur 15 hingga 40 tahun boleh mengambil bahagian di dalam program ini. Mereka perlu mendaftar di dalam Sistem Pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM) di <https://epbm.parlimenbelia.gov.my>. Mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun ini akan berperanan sebagai pemilih kepada Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM).

APAKAH KRITERIA UNTUK MENJADI AHLI PARLIMEN BELIA MALAYSIA (APBM)?

JAWAPAN:

Kriteria utama Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) adalah:

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur 18 - 30 tahun semasa memohon.
3. Memiliki kualiti kepimpinan, penglibatan dan hubungan aktif dalam program komuniti
4. Tidak disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam tempoh 3 tahun sebelum menjadi calon.
5. Tidak muflis
6. Berdaftar di dalam Sistem Pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM).
7. Mewakili negeri seperti alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan.
8. Mempunyai seorang pencadang untuk mencalonkannya sebagai seorang APBM bagi negeri yang ingin diwakili (pencadang mestilah beralamat di negeri yang sama dengan calon dan berdaftar didalam Sistem e-PBM).
9. Mempunyai 5 orang penyokong yang berumur 15-40 tahun dari negeri yang ingin diwakili (penyokong mestilah beralamat di negeri yang sama dengan calon dan berdaftar didalam Sistem e-PBM).

BERAPA RAMAI AHLI PARLIMEN BELIA MALAYSIA (APBM) YANG AKAN DILANTIK DAN BAGAIMANAKAH PROSES PEMILIHAN MEREKA?

JAWAPAN:

1. Jumlah APBM yang akan dipilih adalah seramai 120 orang iaitu mengikut taburan kepadatan populasi belia di setiap negeri. Walaubagaimanapun, YB Menteri Belia dan Sukan boleh membuat lantikan tambahan mengikut keperluan.
2. Rasional bilangan APBM adalah seorang APBM bagi setiap 100,000 belia (1:100,000).
3. Kaedah pemilihan 120 Ahli PBM dilaksanakan secara *online* melalui Sistem Pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM) di <https://epbm.parlimenbelia.gov.my>:
4. Seorang pengundi hanya boleh mengundi calon mengikut bilangan kuota yang ditetapkan bagi setiap negeri. Pengundi dan calon mestilah berdaftar dari negeri yang sama.
5. APBM yang telah dipilih akan diperakukan pelantikannya oleh YB. Menteri Belia dan Sukan Malaysia.
6. Tempoh pelantiikan APBM adalah 1 penggal (2 tahun).
7. Sistem Pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM) telah diaudit dan berjaya memperolehi Sijil *Web Trust* sebagai mengiktiraf kredibiliti dan kebolehupayaan fungsi sistem berkenaan memproses pemilihan APBM.

APAKAH FAEDAH DAN KELEBIHAN SEBAGAI AHLI PARLIMEN BELIA MALAYSIA (APBM)?

JAWAPAN:

Faedah sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia ialah:

1. Dapat menimba pengalaman sebagai Ahli PBM.
2. Diberi keutamaan untuk menyertai program-program belia yang dianjurkan atau melibatkan Kementerian Belia dan Sukan.
3. Diberi keutamaan untuk mendapatkan dorongan, sokongan dan galakan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk merancang dan melaksanakan sendiri program-program pembangunan komuniti.
4. Berpeluang menyuarakan pendapat serta membahaskan isu-isu semasa mewakili belia peringkat akar umbi serta melaksanakan program yang menepati kehendak belia setempat.

BAGAIMANA PULA FORMAT PERSIDANGAN PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBM)?

JAWAPAN:

1. Format persidangan PBM dikategorikan kepada tiga (3) peringkat iaitu Pra Persidangan, Persidangan dan Pasca-persidangan.
2. Pra-Persidangan akan diadakan sebelum persidangan sebenar bagi tujuan:
 - » Penerangan peraturan persidangan
 - » Proses pembelajaran penyediaan draf *bill*
 - » Simulasi dan peraturan persidangan
 - » Perbincangan dalam 9 Jawatankuasa PBM
 - i. **Sosio Ekonomi**
 - ii. **Hubungan Antarabangsa dan Diplomatik**
 - iii. **Keselamatan, Undang-Undang dan Integriti**
 - iv. **Pendidikan dan Kerjaya**
 - v. **Kerohanian dan keagamaan**
 - vi. **Kebudayaan, Sukan, Patriotisme dan Integrasi**
 - vii. **Prasarana, Pembangunan dan Alam Sekitar**
 - viii. **Pembangunan Masyarakat dan Kesihatan**
 - ix. **Teknologi dan Inovasi**
3. Persidangan PBM akan diadakan sebanyak **tiga kali setahun** dan tempoh persidangan adalah selama dua hari.
4. Setelah tamat persidangan PBM, beberapa perkara akan diselaraskan iaitu:

Pelaporan - Laporan persidangan PBM.

Penyelarasan Maklum Balas - Usul-usul yang telah diluluskan semasa persidangan akan dipanjangkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Maklum Balas - Maklumbalas berkaitan usul yang telah diterima daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang berkaitan akan dimaklumkan kepada APBM.

Tindakan Usul - Penyelarasan bersama APBM untuk merealisasikan pelaksanaan tindakan ke atas usul.

BILAKAH PERSIDANGAN PBM AKAN DILAKSANAKAN?

JAWAPAN:

1. Persidangan Parlimen Belia Malaysia (PBM) dilaksanakan sebanyak 3 kali setiap tahun di Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen Malaysia.
2. Pada tahun 2015, sebanyak tiga persidangan telah pun dilaksanakan iaitu pada bulan Januari, Mei dan September.
3. Persidangan pertama bagi tahun 2016 telahpun dilaksanakan pada bulan Februari yang lalu.
4. Persidangan Kedua dan Ketiga bagi Tahun 2016 adalah tertakluk kepada tarikh yang dicadangkan oleh pihak Parlimen Malaysia.

BAGAIMANA UNTUK MENGHUBUNGI SEKRETARIAT PBM BAGI SEBARANG PERTANYAAN?

JAWAPAN:

Boleh berhubung terus dengan pegawai Sekretariat PBM di talian utama 03-8871 3371 atau 3290/3463 serta e-mail rasmi Sekretariat PBM di **pbm@kbs.gov.my**, atau berkomunikasi melalui media sosial PBM di Facebook **[Parlimen Belia Malaysia Official](#)** serta di Twitter kami **[@MYparlimen](#)**



SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS) **PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBM)**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Siapakah yang layak mendaftar?	Individu berumur 15 hingga 40 tahun.
2	Siapakah yang layak menjadi calon?	Individu berumur 18 hingga 30 tahun; tiada rekod muflis dan rekod jenayah.
3	Bagaimanakah cara untuk mendaftar sebagai pemilih?	Layari Sistem E-PBM dipautan http://www.epbm.parlimenbelia.gov.my
4	Bagaimana cara untuk menjadi calon?	Individu tersebut mesti berdaftar sebagai pemilih didalam sistem; berumur 18 hingga 30 tahun; mempunyai seorang pencadang dan 5 orang penyokong daripada negeri yang sama dengan calon sepertimana yang tercatat dalam Kad Pengenalan.
5	Siapa yang boleh dirujuk sekiranya terdapat soalan atau pertanyaan?	Hubungi Sekretariat PBM ditalian 03-8871 3371/3290/3463 atau emel kepada pbm@kbs.gov.my
6	Apakah tindakan yang harus dilakukan sekiranya terdapat kesilapan atau ingin menukar maklumat setelah selesai saya mengisi borang?	Individu berkenaan perlu menghantar emel kepada pihak sekretariat PBM di pbm@kbs.gov.my dengan menyertakan Nama Penuh; No K/P; No Telefon dan nyatakan butiran yang ingin ditukar.
7	Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat berkaitan Parlimen Belia Malaysia?	Layari pautan Portal PBM di www.parlimenbelia.gov.my atau Facebook Parlimen Belia Official atau Twitter @MYparlimenbelia
8	Bagaimana cara untuk melihat paparan calon yang telah tersenarai?	Layari www.parlimenbelia.gov.my dan KLIK pada pautan 'Klik Di sini'
9	Bagaimana cara untuk menyemak kata laluan yang tidak sah?	Kemaskini dengan KLIK pada pautan PERTAMA KALI pemilih mendaftar masuk ke http://www.epbm.parlimenbelia.gov.my
10	Bagaimanakah cara untuk saya menukar kata laluan?	Layari http://www.epbm.parlimenbelia.gov.my dan KLIK pada pautan TUKAR KATA LALUAN
11	Bagaimanakah cara untuk mengemaskini pendaftaran pemilih?	Kemaskini dengan KLIK pada pautan PERTAMA KALI pemilih mendaftar masuk ke http://www.epbm.parlimenbelia.gov.my
12	Bagaimana cara untuk mencadangkan calon?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pencadang perlu mengakses ke sistem E-PBM (http://www.epbm.parlimenbelia.gov.my) dan KLIK pada pautan PENAMAAN CALON di menu utama. 2. Seterusnya masukkan No. K/P calon dan KLIK HANTAR. 3. Masukkan 5 No. K/P penyokong dan KLIK HANTAR.
13	Bagaimanakah cara untuk mengundi?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Layari http://www.epbm.parlimenbelia.gov.my dan KLIK pautan UNDI di menu utama. 2. KLIK pada calon yang bertanding mengikut kuota negeri yang telah ditetapkan.